

**AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI**  
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 22 RABU 8 SEPTEMBER, 1965 رابو 12 جمادالاول 1385 PERCHUMA

## Istiadat Membuka Jaga-Jaga Perkahwinan Di-Raja Di-Mulai Kelemarin

**BANDAR BRUNEI.** — Istiadat membuka "jaga-jaga" bagi perkahwinan antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman telah di-langsungkan pada petang kelemarin di-Balai Pemajangan Indera Kenchana Istana Darul Hana dan di-Balai Penghadapan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna ia-lah puteri sulong kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, sementara Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman ia-lah putera ke-enam kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Puteri Besar.

Di-Balai Pemajangan Indera Kenchana, istiadat membuka jaga2 itu telah di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha atas perkenan Ke-

bawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Rombongan istiadat membuka jaga2 itu telah di-terima oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara di-Balai Penghadapan tempat kediaman Yang Teramat Mulia itu di-Kampung Sumbiling.

Serentak dengan istiadat itu, "Gendang Perang" pun di-bunyikan dengan di-iringi tembakan meriam sa-banyak 9 das, dan setelah itu di-ikuti dengan "Gendang Aleh2an Tengah dan Aleh2-an Ujong".



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah menyampaikan ucapan terima kasih kepada Ahli2 Jawatan Kuasa Perkahwinan Diraja dan juga kepada semua lapisan ra'ayat yang telah bekerjasama pada masa di-langsungkan Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkhiah dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha baru2 ini. Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah di-pancharkan melalui Radio Brunei. Dalam gambar ini kelihatan Baginda semasa melafadzkan titah ucapan tersebut di-Istana Darul Hana.

## PILEHAN RAYA MAJLIS MASHUARAT DAERAH BRUNEI

**BANDAR BRUNEI.** — Surohan-jaya Pilehan Raya mengumumkan bahawa hari menamakan chalun bagi kawasan pemilihan Pekan Brunei untuk Majlis Mashuarat Daerah Brunei ia-lah pada hari Sabtu 25 September ini.

Pengumuman itu menerangkan jika ada pertandingan pilehan raya di-kawasan tersebut, maka hari membuang undi di-tetapkan pada 23 Oktober, 1965.

Pemilihan ini di-sebabkan satu kursi telah kosong, kerana Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang telah meluchutkan diri-nya sa-bagai Ahli Majlis itu.

Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof yang menjadi Penolong Menteri Kebajikan dan Pos, ia-lah juga sa-orang Ahli yang di-pilih dalam Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

## MENTERI PERTANIAN MERASMIKAN PEMBUKAAN PERTUNJOKAN PERTANIAN SA-NEGERI BRUNEI

**BANDAR BRUNEI.** — Timbalan Menteri Besar merangkap Menteri Pertanian Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah merasmikan pembukaan Pertunjokan Pertanian Sa-Negeri Brunei kali yang ke-17 yang di-adakan di-Bangunan sementara Sekolah Melayu S.M.J.A. Bandar Brunei pada 3 September yang lalu.

Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali dalam ucapan singkat-nya di-majlis itu telah menyeru kepada orang2 yang di-sitatkan beliau sa-bagai bertanggung-jawab, terutama pegawai2 pertanian supaya berusaha bersungguh2 bagi memajukan pertanian di-dalam negeri ini.

Beliau juga menyebut mengenai perubahan perlembagaan yang telah mengujudkan empat orang penolong menteri di-negeri ini dan di-samping itu beliau berharap usaha2 saperti itu akan dapat di-usaha lagi sa-hingga membawa Brunei mencapai kemerdekaan.

Terdahulu dari itu, Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhor-

mat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah menekankan bahawa Brunei ia-lah salah sa-buah negara yang kecil di-Asia ini, tetapi bumi-nya maseh lagi luas yang belum di-isikan dengan pertanian.

Brunei, kata-nya, maseh lagi kekurangan dari hal bahan2 makanan yang di-usahakan oleh ra'ayat-nya sendiri dan hingga pada masa ini penduduk2 ne-

geri ini hanya berharap kepada bantuan bahan2 makanan yang di-datangkan dari negeri2 lain.

Oleh itu, tegas beliau, ra'ayat yang menchintai tanah ayer-nya jangan-lah membiarkan keadaan serupa itu hingga berlarut2 dan menasehatkan kepada mereka yang memileki tanah supaya mengusahakan-nya sesuai dengan chita2 kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat di-negeri ini.

Yang Berhormat Pengiran Damit telah juga menyentoh mengenai Kementerian Pertanian di-Brunei yang baru saja terbentuk yang di-sifatkan-nya sa-bagai sedang mempelajari dan mengkaji projek2 pertanian di-negeri ini.

(Lihat muka 8)

# Seminar Pelajaran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei: + GURU2 HENDAK-LAH MEMPUNYAI KETABAHAN HATI DAN KEKUATAN JIWA SERTA KETEGOHAN SEMANGAT — KATA Y.A.B. DATO SERI PADUKA MARSAL

BANDAR BRUNEI. — Guru2 hendaklah mempunyai ketabahan hati dan kekuatan jiwa serta ketegohan semangat yang berdiri di atas keyakinan dan kepercayaan diri masing2. Kejujuran dan keikhlasan juga ada-lah menjadi ukuran mutlak dalam mendaki segala punchak keadaan, kerana ia-nya pusat segala kudrat. Demikian antara-nya kata Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah melafadzkan ucapan tersebut sebelum beliau merasmikan pembukaan Seminar Pelajaran anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada pagi hari Ahad 29 Ogos, 1965.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah mengucapkan terima kasih atas penghargaan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei kerana sudi memberi peluang kepada beliau untuk menyampaikan ucapan dan merasmikan pembukaan Seminar Pelajaran pada hari tersebut.

Selanjut-nya Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal berkata:

Saya mengucapkan tahniah dan sanjungan yang tinggi kepada P.G.G.M.B., atas usaha2 tuan2 mengadakan Seminar Pelajaran yang julong2 kali-nya ini. Langkah ini saya anggap ada-lah sa-bagai satu kemenangan dalam siri perjuangan tuan menunaikan sa-bahagian daripada dasar P.G.G.M.B.

Kesedaran tuan2 untuk mengadakan perkara ini ada-lah amat besar erti-nya dalam lapangan pendidikan waktu ini, lebeh2 lagi jika kita memandang kepada masa dan keadaan yang ada di-sekeliling kita yang menghendaki sa-suatu persesuaian untuk memberi persembangan dengan kemajuan2 yang sedang di-hadapi waktu ini.

Masaalah2 yang akan di-perbincangkan hari ini, ada-lah merupakan kepentingan guru2 sekalian, faedah-nya bukan sahaja menambahkan pelajaran guru2, tetapi ada-lah untuk meluaskan pengetahuan dalam 'Alam pendidikan untuk mencapai sa-suatu kemajuan dengan pesat-nya bagi memenohi kehendak dan kewajipan serta tanggung jawab atas kemajuan pelajaran negeri ini.

Dalam menunaikan kewajipan dan tanggung jawab, guru2 hendaklah mempunyai ketabahan hati dan kekuatan jiwa serta ketegohan semangat yang berdiri di-atas keyakinan dan kepercayaan diri masing2. Kejujuran dan keikhlasan juga ada-lah menjadi ukuran mutlak dalam mendaki segala punchak keadaan, kerana ia-nya pusat segala kudrat.

Guru2 sekalian, dalam mengikuti perjuangan guru2, terutama sejak tahun lima puluhan hingga ka-waktu ini, P.G.G.M.B. telah banyak membektikan usaha2 dan kejayaan2 yang begitu memuaskan dalam berbagai2 lapangan pembangunan baik dalam soal pendidikan mau pun dalam lapangan perekonomian.

Kejayaan2 yang di-chapai ini adalah berkat pimpinan yang ikhlas yang di-seriai oleh azam dan tekad dari ahli2 Jawatan2 Kuasa Tadbir dan kerjasama yang erat dari ahli2 P.G.G.M.B., sekalian.

Amalan2 yang murni ini ada-lah sa-bagai satu pendorong yang menghasilkan kejayaan2 yang di-perolehi oleh tuan2 hari ini yang sa-sungguh-

berani berhadapan dengan berbagai2 aliran atau bentuk kesulitan baik sa-chara langsung mau pun tidak.

Sa-bagai adat lembaga dalam perjuangan hidup, dalam gerak dan sikap kita, achapkali menerima pertentangan, oleh itu semua halangan dan pertentangan ini "JIKA ADA", hendak-nya tidak-lah akan dapat mematah atau membendong chita2 perjuangan guru2 sekalian, malah, halangan yang sa-rupa ini boleh-lah di-ambl untuk di-jadikan bahan guna menyusun dan menegakan chita2 guru2 sekalian.

Memandang kepada mustahak-nya usaha yang di-buat oleh guru2 hari ini, maka saya berharap guru2 akan beroleh kejayaan2 yang memuaskan dan sa-terus-nya supaya dapat-lah diadakan Seminar2 yang sa-rupa ini di-masa yang akan datang.

Akhir-nya, di-saat yang berbahagia ini saya mendahului "Dengan nama Allah yang maha pengasih dan penyayang" maka dengan resmi-nya saya membuka Seminar Pelajaran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei hari ini dan selamat maju jaya. Terima kasih."

## + Pelajaran Tiada Bercherai Dari Kehidupan — Kata Awang Md. Husain Yusof

BANDAR BRUNEI. — Awang Md. Husain bin Md. Yusof, selaku Pengerusi Seminar Pelajaran anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-majlis pembukaan rasmi Seminar Pelajaran itu baru2 ini telah berkata bahawa ada banyak perkataan yang mashor di-katahui orang yang di-gunkan-nya bagi menyatakan betapa mustahak-nya pelajaran itu, di-antara-nya "Tuntutlah ilmu walau ka-Negeri China sakali pun".

Kata2 yang lain pula, kata beliau, ia-lah "Menuntut ilmu itu sa-hingga "ka-liang lahad" yang mengertikan jang-lah berhenti2 dari belajar.

Dalam ucapan Awang Md. Husain di-majlis tersebut, beliau berkata bahawa Pelajaran tiada bercherai dari kehidupan — atau kalau hendak di-rengkaskan: Pelajaran ada-lah kehidupan, hidup dengan tiada mempunyai pengetahuan yang di-dapati dari pelajaran, tiada-lah sampurna hidup-nya.

Semenjak purbakala lagi, zaman permulaan maklok Proterozoic, zaman batu (stone-age) dunia mula berkembang dengan melalui perubahan demi

perubahan, walau pun musnah oleh binchana alam: ayer banjir, ribut, gempa bumi dan oleh binatang buas serta musnah oleh perbuatan maanusia kerana peperangan kebakaran, pemberontakan yang menjadikan rekaan maanusia bersama-sama musnah, namun semangat maanusia dari zaman bahari yang ingin menyelidik dan meneliti tiada luput dan pupus; maseh juga menchuba, menchuba sa-hingga menerbitkan hasil yang berfaedah kepada negara dan bangsa-nya.

Ingati-lah akan Taman tergantung yang di-banggakan Babylon yang sudah tinggal cerita itu, Pyramid yang tersergam di-Mesir, Empire State Building di-Amerika, kapal terbang dan televisen yang semua-nya itu ada-lah hasil pelajaran yang di-kaji dan di-selidiki oleh bijak pandai sa-chara zaman-nya.

Dari zaman maanusia yang tiada berperatoran (uncivilisation) hingga-lah kepada zaman intellectual ia-itu maanusia yang mempunyai daya fikir tinggi sekarang munchol-lah zaman spotnic di-mana Vostoc dan Gemini berlumba2 mereka angkasa lepas bagi kemegahan negara masing2: Russia dan Amerika. Ini adalah menyedarkan kita mesti belajar—mengkaji—meneliti—untuk kebahagiaan dan kemaamoran dan keamanan di-samping kemegahan dan kebanggaan negara.

Tugas utama guru2 ia-lah mendidik kanak2 dari kecil lagi: dengan otak-nya yang mentah tetapi berseh, untuk di-isi dan di-suburkan serta di-pelihara hingga-lah ia menjadi sa-orang maanusia yang sempurna, berguna kepada masyarakat, mempunyai fikiran yang waras dan bebas berfikir dengan panduan2 yang bertanggung jawab pada negara serta boleh berdiri di-atas kaki-nya sendiri dengan tiada mengganggu orang lain sa-balek-nya mempunyai rasa tanggung jawab tolong menolong atas kebajikan, bagi mencapai keamanan, kemaamoran dengan mengikuti undang2 tata negara.

Sejak tahun 1957 lagi P.G.G.M.B. telah pun berikhtiar meluaskan pengetahuan ahli2nya dengan menghantar beberapa orang ahli keluar negeri bagi menghadhiri dan berchampur bersama2 dalam perbincangan2 mengenai pelajaran seperti Kongeris, Seminar, yang di-adakan di-Singapura, di-Kuala Lumpur, di-Manila, di-Saigon, di-India, di-Bangkok dan baharu2 ini di-Adis Ababa.

Pertubuhan Guru2 Sa-dunia (WCOTP) yang kami menjadi salah satu ahli-nya ada-lah menggalakkan kami berkechimpong dalam arena pendidikan sa-lain dari memperoleh pengalaman dalam hal pentadbiran persekutuan dan kebajikan dan ikhsad ahli2 kami, rasa tanggung jawab kami makin mendalam dalam hal kewajipan pada Pelajaran.

Sa-lain dari P.G.G.S. (W.C.O.P.T.) maka pehak Pertubuhan Pelajaran dan Kebudayaan Bangsa2 Bersatu (U.N.E.S.C.O.) ada-lah juga menambah kegiatan kami dalam hal

(Lihat muka 3)

## Sharahan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 di-bawah ini pada hari Juma'at 10 September, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam:—

(a) Mulai pukul 11 pagi ka-pukul 12-30 tengah hari di-Masjid Batu Apoi, Temburong.

(b) Mulai pukul 11 pagi ka-pukul 12-30 tengah hari di-Masjid Sinaut, Tutong.

Orang ramai lelaki dan perempuan, ada-lah di-jemput hadhir di-majlis2 tersebut untuk mendengarkan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam kita yang maha suchi

### Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 8 September hingga ka-hari Selasa 14 September, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	8	12-22	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12
	9	12-22	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12
	10	12-22	3-39	6-27	7-39	4-40	4-55	6-12
	11	12-22	3-39	6-27	7-39	4-40	4-55	6-12
	12	12-22	3-38	6-26	7-39	4-40	4-54	6-11
	13	12-21	3-38	6-26	7-38	4-39	4-54	6-11
	14	12-21	3-38	6-26	7-38	4-39	4-54	6-11

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu. Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-30 tengah hari.

**Guru2  
Tempatan  
Berlateh  
Di-England**

# Seminar Pelajaran Di-Adakan Untuk Melaksanakan Dasar P. G. G. M. B.

BERAKAS — Lima orang guru2 dari Negeri Brunei telah berlepas dengan kapal terbang dari sini ka-Singapura baru2 ini dalam perjalanan mereka ka-England untuk melanjutkan pelajaran masing2.

Mereka ia-lah Chegu Hamdani bin Abdul Rahman, Nadzir Pelajaran Dewasa; Chegu Md. Yusof Daud, Guru Penolong Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei; Chegu Razak Bungsu, Guru Penolong Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Chegu Dayang Chong Oi Lim, Guru Penolong Maktab Anthony Abell, Seria dan Chegu Dayang Lau Soo Ha, Guru Penolong Maktab Anthony Abell.

Chegu Hamdani, Chegu Md. Yusof dan Chegu Razak akan menghadiri Kursus Pantadbiran Sekolah2 dan Kursus Guru Besar di-Universiti Birmingham selama kira2 sa-tahun.

Chegu Dayang Chong dan Chegu Dayang Lau pula akan menghadiri Kursus Pelajaran di-Kolej Pelajaran Leicester, England selama kira2 3 tahun.

Turut berangkat bersama2 dengan guru2 tersebut ka-England ia-lah Dayang Chung Sau Yin, sa-orang juru-rawat di-Rumah Sakit Besar, Brunei.

Ia akan mempelajari ilmu juru-rawat atas perbelanjaan-nya sendiri selama kira2 lima tahun.

BANDAR BRUNEI. — Yang Di-pertua Agong, Persatuan Guru2 Melayu Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh berkata di-majlis pembukaan resmi Seminar Pelajaran anjoran P.G.G.M.B. baru2 ini bahawa Seminar Pelajaran itu di-adakan ada-lah untuk melaksanakan satu daripada dasar persekutuan itu.

Tambahan pula, kata beliau, memandang kepada masaalah yang sedang kita hadapi waktu ini, ada-lah sa-olah2 memaksa-kan kita untuk mengadakan perkara ini, kerana dalam tajok2 perbincangan yang berdasarkan kertas kerja yang akan di-binchangkan nanti ada-lah merupakan tanggung jawab serta bebanan yang sa-harus-nya kita pikul bersama, biar pun pada umumnya kita hanya menerima arahan2 dari pehak yang berkenaan.

Tetapi, untuk memperaktikan-nya ada-lah tugas kita. Jadi tidak-lah hairan kalau beliau katakan bahawa perkara yang kita buat hari ini, ada-lah untuk melangkahkkan kaki sa-tapak lagi ka-muka untuk mencapai kemajuan sa-bagai menunaikan tujuan2 yang tertentu.

Di-samping itu, kita dapat mempelajari chara2 berseminar — juga sa-bagai melatehkan diri kita untuk membincangkan sa-suatu, mengeluarkan fikiran dan pendapat serta menyelesaikan sa-suatu masaalah.

Perkataan KEMAJUAN dan KEJAYAAN ada-lah a m a t mudah sakali untuk di-perkatakan, tetapi sungguh sukar benar untuk mendapatkan hasil-nya. Jadi, untuk mencapai perkara ini, kita terpaksa-lah sanggup dan berani mengorbankan MASA dan TENAGA.

Seterus-nya Awang Shahbudin ber-

kata. "Dalam menunaikan tugas kita sa-bagai sa-orang guru atau sa-bagai sa-orang pendidek, bukan-lah hanya sa-mata2 kita menggunakan tendak tandok dan "sistem yang mati". Tetapi sa-orang Guru harus mempunyai inisiatif atau daya usaha yang chergas, jujur dan tabah.

Chari-lah jalan untuk menchipta sa-suatu, sesuai dengan kemajuan LATEHAN GURU yang ada di-sekeliling kita.

## 20 TAHUN LALU.....

Dua puluh tahun yang lalu, mungkin banyak di-antara kita, yang belum menyedari atau tidak tahu hakikat yang sa-benar-nya mengenai pelajaran arah ka-mana kita di-bawa oleh pelajaran negeri kita, dan sa-terus-nya kita tahu ka-manakah kita harus mengamudikan pelajaran negeri kita.

Tetapi shukor-lah kepada Allah, chahaya terang kini menerangi kita; Kita dapat mengesan usaha2 yang kita buat hari ini, malah kita dapat mengukur sa-jauh manakah kemajuan dalam pelajaran pada masa2 yang lepas itu. Persoalan yang timbul dalam perkara ini "Apakah kita berpuas hati dengan usaha2 dari jejak2

kita yang lepas itu?" Jawapan-nya biar-lah saya serahkan kepada hadzirin sakalian untuk mengambil satu mutlumat dengan perhitungan yang saksama berdasarkan kepentingan bangsa dan negara kita.

Sa-benar-nya, satrip usaha yang telah, sedang dan akan kita buat, ada-lah sentiasa menjadi perhatian dan ukoran ra'ayat. Tegass-nya ra'ayat dapat memberi pertimbangan yang adil atas usaha2 kita. Maka kerana itu ada-lah TERWAJIB bagi kita menyumbangkan tenaga dengan memboktikan sapenoh kejujoran untuk menghasilkan kejayaan demi kemajuan bangsa dan negara.

Selain daripada itu, perkara yang penting, yang sa-harus-nya di-tanam dalam jiwa anak2 didikan waktu ini, ia-lah menanamkan kesedaran atau perasaan tahu bertanggung jawab atas negara-nya dan tahu memberi penghargaan ka-atas nilai pelajaran yang kita tabor menyesuaikan diri dengan peredaran zaman. Sa-moga dengan kesedaran yang kita tabor itu akan tumbuh sa-suatu yang lebeh baik dan harmonis guna memperbaiki chorak pelajaran negeri ini.

Akhir kata, saya berharap samoga SEMINAR PELAJARAN yang di-mulakan hari ini, akan berjalan dengan lancar serta memperolehi hasil2 dan kejayaan yang memuaskan, dan sa-terus-nya saya berharap supaya kita dapat mengadakan seminar2 yang sa-rupa ini di-masa yang akan datang.

## Penuntut2 M.P.M.B. Melawat Ka-Luar Negeri

BERAKAS. — Seramai 61 orang penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei akan belayar dari Brunei ka-Singapura pada hari Ithnin 13 September, 1965, dalam bidang lawatan mereka ka-Singapura dan ka-negeri2 di-kawasan Pantai Timor Malaya.

Mereka akan di-ketuai oleh

Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei Chegu Othman bin Bidin Chegu Yahya bin Ahmad dan Chegu Halimah Yusof.

Chegu Othman akan berlepas ka-Singapura dengan kapal terbang pada hari Rabu 15 September, manakala Chegu Yahya dan Chegu Halimah akan berlayar kassana bersama2 dengan penuntut2 tersebut.

Rombongan pertama penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei, mengandongi 61 orang penuntut2 juga telah belayar ka-Singapura dari Brunei pada 30 Ogos yang lalu dalam bidang lawatan mereka ka-Singapura dan ka-negeri2 di-Pantai Barat Malaya.

Mereka telah di-ketuai oleh Chegu Abdul Wahid, Chegu Mustapha Shawal dan Chegu Ismail Mohamed.

Guru2 pelateh M.P.M.B. itu ia-lah Penuntut2 Tahun III dan Tahun II (Bahagian Ingeris).

Tujuan lawatan mereka ka-Singapura dan ka-Malaya, ia-lah untuk memerhati chara2 pelajaran Sekolah2 dan Maktab2 disana.

Rombongan pertama di-jangka akan balek ka-Brunei dengan kapal laut pada 28 September dan rombongan kedua di-jangka akan sampai balek di-Brunei dengan kapal laut juga pada 12 Oktober.

## PELAJARAN TIADA BERCHERAI DARI KEHIDUPAN

(Dari muka 2)

masaalah Pelajaran di-mana beberapa tahun dahulu sa-orang dari ahli kami telah di-hantar oleh Kerajaan mengikuti suatu seminar di-Australia.

Dari pengalaman dan panduan sedemikian rupa, dapat-lah kami mengadakan julong2 kali seminar anjoran P.G.G.M.B. bagi membincangkan dan meneliti pendapat dan bahan2 untuk mengatasi kesulitan kami menghadapi 16,500 murid2 di-delapan puluh enam buah sekolah yang di-pertanggung jawapan kepada 750 orang guru hanya tiada sampai 50% mempunyai latehan2 guru yang sempurna.

Dari seramai penjaga2 murid2 tersebut hanya-lah dari 20 ka-30 peratus sa-tinggi2-nya mempunyai ibu bapa yang berpelajaran bersama2 membantu guru yang sa-lain-nya 100% berseh bulat ka-guru untuk mengkehendaki anak-nya pandai segera masuk Sekolah Menengah dan langsung ka-Sekolah Tinggi dengan asas yang tiada kokoh.

Hari ini kami P.G.G.M.B. berkumpul ada-lah memikirkan chara2 menghadapi dalam kesulitan2 melaksanakan pada serba kekurangan yang saya sebutkan tadi, masa ini mus-

tahak memberi pelajaran bebas pada kanak2, membiarkan mereka menggunakan daya fikiran-nya dengan panduan guru, membiarkan mereka alatan2 yang boleh di-dapati di-sekiling mereka sa-lain dari alatan penghaja di-buat, menyuruh mereka menimbang dan menyukat serta mengukur sendiri untuk merasa atau jika dapat langsung mereka bertugas dalam sa-suatu perkara, membawa mereka keluar berjalan dan melawat bukan sahaja ka-kilang2 perusahaan dan pelabohan bahkan jika ada peluang mereka di-atorkan melawat dari satu Daerah ka-Daerah lain bertukar2 tempat.

Sa-sudah itu mereka akan merundingkan dan membincangkan bagi mengkaji sama sendiri dalam satu kumpulan yang guru hanya sa-bagai pemandu. Semua-nya ini ada-lah dijalankan dengan chara2 yang telah di-jalankan di-waktu yang lampau lebeh kurang sa-tengah abad yang lalu waktu mula2 ada sekolah dalam negeri Brunei ia-itu pada tahun 1912.

Waktu itu tiada menggalakkan banyak tanya jawab dari murid2 atau hanya chukup di-suruh ingati apa yang di-beri tahu berulang2 atau di-beri hafadzkan sahaja, peluang berfikir sama sendiri atau berbindhang

langsung tiada ada, sekarang guru hanya harus memandu fikiran2 yang sentiasa tumbuh, dan memelihara dan menyuborkan otak kanak2 yang samemang ada pada tiap2 kanak2 yang biasa.

Dengan kesedaran yang demikian-lah kami berniat mengadakan seminar ini di-samping chuba mempelajari chara2 berseminar, kami berharap suatu hasil yang chemerlang akan terchapai hendak-nya dari oleh2 tenaga daya upaya permulaan kami.

Tuan2 yang hadir sa-belum saya menutup ucapan saya ini benarkanlah saya menguchapkan rasa terima kasih kami kepada kehadrhan tuan2 yang saya maankan ada-nya tuan2 di-sini ada-lah suatu galakan yang membanggakan kami yang kami anggap tuan2 juga ada-lah di-antara kumpulan orang bijak pandai yang menghargakan dan memandang tinggi usaha kami, lagi sakali saya ucapkan terima kasih, akhir-nya kepada para peserta yang telah mendaftarkan diri saya perchaya telah pun menatap kertas2 kerja yang telah di-beri— mudah2an dalam perbincangan kelak akan lahir-lah pendapat2 yang penoh rasa tanggung jawab serta sesuai dengan kehendak2 pelajaran di-negara kita ini.

# Penduduk<sup>2</sup> Pendalaman Hidup Dalam Gembira

Satu daripada usaha Kerajaan yang di-lancarkan sekarang ialah gerakan memberi kesempurnaan hidup di-kalangan penduduk<sup>2</sup> di-sekitar kampung<sup>2</sup> pendalaman di-daerah<sup>2</sup> dalam negeri ini.

Penduduk di-kampung<sup>2</sup> pendalaman sa-takat ini telah mendapat kemudahan<sup>2</sup> yang sa-mesti-nya di-perlukan bagi penghidupan manusia seperti kesehatan, pelajaran dan sa-bagai-nya.

Kalau beberapa tahun yang lalu, kita tidak nampak bangunan sekolah di-dirikan di-kampung<sup>2</sup> pendalaman, sekarang ini walau di-mana pun kampung pendalaman yang di-fikirkan perlu di-dirikan sekolah, maka kita akan dapat melihat-nya tersergam dalam keadaan yang agak sederhana, dan menchukupi.

## WARGA NEGARA

Kerajaan sedar bahawa penduduk<sup>2</sup> di-kampung pendalaman itu ada-lah juga warga negara yang tidak kurang penting-nya bagi mengambil peranan di-segi rancangan<sup>2</sup> pembangunan, keamanan dan kema'moran negeri ini.

Sa-bilangan murid dari sa-bahagian sekolah di-kampung<sup>2</sup> pendalaman itu yang di-fikirkan layak telah di-beri peluang dengan sa-luas<sup>2</sup>nya untuk memileki biasiswa Kerajaan bagi mereka melanjutkan pelajaran di-luar negeri.

Bagitu juga hal-nya mengenai d e n g a n kesehatan. Langkah<sup>2</sup> yang wajar telah di-berikan kepada mereka untuk hidup sa-bagai warga negara yang sehat dan berguna.

Jabatan perubatan telah berusaha dengan sa-daya upaya mengawal kesehatan mereka dan masa ini jadual lawatan yang tetap dengan menggunakan "helikopter" telah di-jalankan.

Hampir seluruh kawasan kampung<sup>2</sup> pendalaman di-negeri ini telah di-lawati oleh rombongan kesehatan yang menggunakan helikopter itu dan mereka telah menunaikan tugas<sup>2</sup> mereka yang chemerlang.

## LANGKAH KERAJAAN

Penduduk<sup>2</sup> kampung yang memerlukan rawatan bagi sa-suatu penyakit yang tertentu telah di-beri perkhidmatan yang chukup dan mereka telah di-rawat seperti juga rawatan yang telah di-berikan kepada orang<sup>2</sup> sakit di-bandar.

Penghulu<sup>2</sup> dan ketua<sup>2</sup> kampung di-pendalaman telah memahami akan langkah kerajaan ini dan mereka dengan penoh khidmat untuk kesejahteraan anak<sup>2</sup> buah mereka telah memberikan kerjasama yang erat sa-pertimana yang di-perlukan oleh pehak kerajaan.

Baharu<sup>2</sup> ini kita telah berkesempatan melawat ka-Kampung<sup>2</sup> Pendalaman di-Daerah Tembu-

rung dengan tujuan untuk melihat sendiri bagaimanakah reaksi penduduk<sup>2</sup> di-sana mengenai langkah<sup>2</sup> yang telah di-usahakan oleh kerajaan itu.

Dalam hal ini kita telah sempat bertemu ramah dengan Penghulu Kampung Kinua, Penghulu Liggong Anak Usah yang menjadi penghulu kepada 13 pintu rumah panjang yang di-punyai o'eh Puak Iban.

Di-rumah panjang ini di-diami oleh sa-ramai 108 orang yang terdiri dari 18 keluarga. Rumah tersebut panjang-nya kira<sup>2</sup> 3 ranai dan buka-nya kira<sup>2</sup> 50 kaki.

Mencheritakan a k a n penghidupan puak Iban dalam beberapa tahun yang lalu, Penghulu



Dalam gambar ini, keluarga<sup>2</sup> Iban di-rumah panjang Kinua kelihatan hidup dalam suasana gembira.

Liggong mensifatkan-nya sa-bagai menyedehkan dan mengharapkan supaya keadaan itu tidak akan berulang kembali.

Dulu, kata-nya, kami hidup tidak ada tujuan yang lain melainkan untuk bekerja menchari n a f k a h untuk menyambung nyawa anak beranak saja.

"Kami tidak tahu apa itu sekolah dan apa guna-nya rumah sakit, dan juga kami tidak pernah menyebut tentang sekolah dan rumah sakit", kata penghulu Liggong.

Di-tanya ketika anak<sup>2</sup> mereka di-timpa kemalangan atau sa-suatu penyakit, Penghulu Liggong menyatakan:

"Kalau anak<sup>2</sup> kami di-timpa kayu misal-nya, dapat luka atau patah, k a m i menchari ubat dalam hutan yang terdiri dari daun<sup>2</sup> kayu dan akar<sup>2</sup> kayu. Tetapi sa-kira-nya tidak semboh terpaksa-lah kami berserah saja.

"Dan bagitu juga hal-nya, kalau anak<sup>2</sup> kami dapat penyakit, mereka akan kami beri ubat yang serupa dan kalau tidak semboh juga kami mengadakan satu te-


masha yang di-gelarkan "memuja semangat" sambil berdo'a supaya penyakit yang menimpa anak kami itu akan luput dari badan. Kalau tidak semboh juga, terpaksa-lah di-serahkan kepada takdir".

Mengenai soal mengenal huruf dari "A" hingga "Z" dan sa-terus-nya mata pelajaran yang lain, Penghulu itu menyatakan bahawa soal itu tidak terlintas dalam fikiran mereka waktu itu.

"Apa yang kami pentingkan, kata-nya, ia-lah bagi menanamkan semangat yang bersifat sa-bagai pahlawan bagi tiap<sup>2</sup> tuboh badan mereka sa-bagai persediaan hidup penduduk<sup>2</sup> yang tinggal dalam hutan rimba yang tebal.

Mengenai keadaan yang ada sekarang ini pula, penghulu yang berumur 56 tahun itu hanya menguchapkan "senang hati" dan "saya berbanyak<sup>2</sup> menguchapkan terima kaseh kepada Sultan dan perentah (Kerajaan)".

Di-Kampung Kinua itu sa-buah sekolah yang di-beri nama



PENGHULU LIGGONG

tersebut untuk merawat mana<sup>2</sup> orang yang sakit.

Sa-buah Balai Raya telah juga di-dirikan di-kampung itu bagi menyenangkan kaki tangan kerajaan menjalankan tugas<sup>2</sup> mereka untuk memberi kesempurnaan hidup bagi penduduk<sup>2</sup> di-sana baik dari segi kesehatan mahupun pelajaran dan hiburan.

Menurut Penghulu Liggong lagi, orang<sup>2</sup> dewasa di-kampung-nya dalam dua tahun yang lalu telah bersama<sup>2</sup> menghadhiri kelas dewasa yang diadakan oleh Kerajaan, tetapi masa ini, kata-nya, telah terhenti di-sebabkan "musim padi".

Walau bagaimana pun kata-nya, beliau dan anak<sup>2</sup> buah-nya akan berusaha bagi menghidupkan kembali kelas tersebut.

Mengenai pekerjaan penduduk<sup>2</sup> di-kampung itu, Penghulu Liggong menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai kerja apa<sup>2</sup> sa-lain dari berpadi kalau musim padi dan kerja sa-hari<sup>2</sup> ia-lah menureh getah.

Hasil dari kerja<sup>2</sup> itu, kata-nya, dijual ka-Bangar (Pusat Daerah Temburong) dan sa-hingga hari ini belum ada sa-orang pun dari mereka yang berkhidmat dengan Kerajaan.

## PERISTEWA DAHSHAT

"Walau pun bagitu, kata Penghulu Liggong, dalam masa penderhakaan dalam tahun 1962, anak<sup>2</sup> buah-nya telah memberi pertolongan kepada pasokan<sup>2</sup> keselamatan bagi memburu penderhaka<sup>2</sup> yang waktu itu maseh banyak lagi di-hutan<sup>2</sup> Temburong.

Penghulu Liggong mensifatkan kejadian dalam tahun 1962 itu sa-bagai peristewa yang dahshat dan berharap supaya kejadian yang menandatangani kesudahan bagi semua perengkat orang itu supaya tidak berulang lagi.

Di-rumah panjang tersebut, sa-ramai enam orang yang telah lanjut usia-nya telah di-beri pinchen sa-banyak \$20 sa-bulan bagi tiap<sup>2</sup> sa-orang oleh Kerajaan.

Jarak jauh antara Pekan Bangar dengan Kampung Kinua itu dengan menggunakan moto sangkut ia-lah sa-lama 3 jam.

Menurut pandangan kita bahawa penduduk<sup>2</sup> di-kampung<sup>2</sup> pendalaman di-daerah Temburong pada masa ini ada-lah dalam keadaan gembira dengan kemudahan yang telah di-berikan kepada mereka.

Mereka juga telah tahu menghargai sa-suatu rancangan yang di-adakan kerajaan itu seperti bangunan<sup>2</sup> sekolah, klinik dan balai<sup>2</sup> raya.

## PENGETUA P.H.E. UGAMA MELAWAT MASJID BARU

BANGAR. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin telah tiba di-Bangar, Temburong dengan helikopter dari Lapangan Terbang Berakas pada pagi hari Isnin 6 September, 1965 untuk melawat Masjid Utama Mohamed Salleh.

Bangunan Masjid yang baru itu sedang di-bena oleh Kerajaan Brunei dengan perbelanjaan kira<sup>2</sup>

\$400,000 dan di-jangka akan siap kira<sup>2</sup> sa-tahun lagi.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin telah di-iringi oleh Awang Ho Kok Yin, arkitek pembenaan bangunan Masjid itu dan Penguasa Jabatan Bomba Negeri Brunei, Awang Lam Soo Man.

Beliau<sup>2</sup> itu telah balek ka-Bandar Brunei pada pagi hari tersebut juga sa-lepas melawat ka-Bangar.

# KASHMIR MASALAH KEDUA MENGANCHAM KEAMANAN DI-ASIA

KALAU kita membaca akhbar2 atau mendengarkan berita2 melalui siaran radio hari ini, maka di-dapati kemunchak dari segala isi laporan-nya ia-lah mengenai Kashmir, yang sekarang menjadi soal utama dan masalah kedua di-hadapi oleh Asia.

Ini ada-lah di-sebabkan oleh berlaku-nya pertemporan senjata terus menerus antara askar2 India dan Pakistan, di-samping angkatan udara mereka yang di-gunakan untuk membantu peperangan di-bumi itu.

Masalah pertama ia-lah mengenai Vietnam, yang selama ini tidak terbayang sama sekali tanda2 penyelesaian-nya, walaupun banyak sudah usaha yang di-buat oleh segenap lapisan kuasa yang inginkan kepada perdamaian.

Belum lagi sempat cherah angkasa Asia, menyusul pula awan gelap menyelubongi Kashmir, awan yang merupakan kegentingan yang semakin mengerikan di-wilayah itu.

## PERTEMPORAN MELUAS

Dari sehari ka-sehari, pertemporan2 di-wilayah Kashmir semakin bertambah sengit, memandang kepada kapal2 terbang, kereta2 kebal dan keendran2 berat, yang di-ganakan oleh kedua2 belah pihak, yang selama ini menda'wa memperoleh kejayaan. Jadi Kashmir nampak-nya sudah merupakan medan hidup atau mati-nya antara Pakistan dan India.

Bala tentera India dan Pakistan telah sama2 menyeberangi kawasan garisan gencatan senjata, yang telah di-tentukan oleh Pertubuhan Bangsa2 Bersatu beberapa tahun dahulu (1949), walaupun India di-beritakan mendahulukan penyeberangan garisan gencatan senjata itu.

Kalau-lah India yang menyeberangi dahulu, terbukti benar, memandang kepada tiga buah tempat pertahanan yang di-tawan baharu2 ini oleh askar2 India.

Di-New Delhi, pihak India sechara terang2 menyatakan bahawa ia terpaksa menghantarkan bala tenteranya menyeberangi masuk ka-tiga buah tempat di-garisan gencatan senjata, dengan tujuan untuk mempertahankan kawasan2 itu dari di-cherubohi oleh Pakistan.

Sa-balek-nya askar2 Pakistan juga telah menyeberangi kawasan itu, untuk membuat tindakan2 yang wajar terhadap tindakan India itu.

## SIASAT PERANG

Sa-perti dalam mana2 perjuangan untuk merebut satu2 sokongan, maka dalam pertemporan di-Kashmir, sudah tentu terdapat satu chara "Siasat Perang" di-gunakan untuk

membenarkan tindakan masing2, di-mata dunia.

Baru2 ini pihak India menda'wa bahawa Angkatan Udara Pakistan telah mengebom sa-buah masjid di-sabuh kampung di-Kashmir. Sama ada da'waan India itu di-buat, berdasarkan kepada "siasat perang-nya" untuk menyakiti hati ra'ayat Kashmir terhadap Pakistan, atau untuk mendapatkan sokongan dari luar atas tindakan Pakistan itu, atau sa-benar-nya, tidak-lah di-ketahui.

Tetapi kepada golongan Islam, tidak mungkin Pakistan sa-buah negara Islam terganjak demikian.

oleh

HANAFI JOFFRI

Mungkin dapat di-perchayai jika kapal2 terbang Pakistan itu menyerang rumah berhala atau kuil2, atau sa-bagai-nya.

Jika "siasat perang" seperti itu benar2 di-gunakan, mungkin bahaya yang besar akan timbul. Kerana kiranya sokongan yang di-harapkan itu, tidak juga datang, neschaya berbagai rupa tuduhan2 lagi yang akan di-keluarkan, yang semata untuk memburokkan2 pihak lawan di-mata dunia.

## KASHMIR ASAL

Wilayah Kashmir terletak di-bawah pemerintahan Mogul dalam tahun 1586, dan dalam tahun 1819 di-ta'loki oleh Ranjit Singh, kemudian sa-lepas runtuh-nya Empire Sikh itu, ia-nya di-perintah oleh Raja Jammu yang pengganti-nya menjalankan perintah berchorak Maharajah Jammu dan Kashmir, sa-hingga-lah Dewan Perhimpunan yang di-bentuk menghapuskan pemerintahan warith dalam tahun 1925, dan kemudian mengadakan pemilehan Presiden sa-bagai ketua negara.

Dari sejak tahun 1947 apabila Maharajah, sa-orang Hindu yang memerintah Kashmir, yang 75 peratus penduduk-nya orang2 Islam itu menta'ati India, maka kedudukan Kashmir menjadi genting antara India dan Pakistan.

Ashkar Pakistan telah menyeberangi masuk ka-wilayah Kashmir lalu bertempur dengan bala tentera India, di-antara tahun 1947 dan 1949, apabila satu perjanjian gencatan senjata di-perolehi melalui Bangsa2 Bersatu menjadi orang tengah.

Dari sejak itu, usaha untuk mengadakan pemungutan suara telah gagal. Kashmir dalam sebutan sahaja,

tetap bergabung dengan India, tetapi sebenar-nya terbahagi di-sabalah Utara dan Barat Laut di-duduki oleh Pakistan, dan di-tadbirkan oleh sa-buah kerajaan daerah, Azad Kashmir di-Muzafara-raba. Dalam tahun 1945, Dewan Perhimpunan wilayah itu, mengahkan lagi gabungan Kashmir dan India.

Dari semenjak itu juga, persengketaan Pakistan dan India mengenai Kashmir berlaku, hingga-lah kepada pertemporan2 yang meletus akhir bulan lepas.

Di-Bangsa2 Bersatu, majlis keselamatan tidak pula putus2 membahatkan masalah Kashmir, tetapi setakat ini tidak dapat memberikan sa-suatu keputusan yang mu'tamad.

Sidang akhir masalah Kashmir berlangsung dalam bulan May tahun 64 tetapi hanya dapat menyuarakan harapan, semoga India dan Pakistan bersedia hendak-nya merundingkan sengketa mereka.

## PERANG TERBUKA

Sekarang pertemporan bertambah luas apabila serangan2 udara di-lakukan di-luar Kashmir oleh pihak yang bertentangan. Keadaan semakin membahayakan.

Serangan di-luar Kashmir merupakan pengeboman ka-atas kawasan Amristar, dalam wilayah Punjab pemerintahan India oleh kapal terbang Pakistan dan ka-atas kawasan Lahore oleh kapal2 terbang India.

Menurut laporan tidak resmi sa-malam, lapangan terbang Lahore telah di-tawan oleh askar2 India, yang menyeberangi masuk perbatasan Pakistan dari Punjab.

Sekarang nampak-nya perjuangan antara kedua2 belah pihak sudah merupakan perang sa-chara terbuka, sesuai dengan pengishtiharan pemimpin Pakistan Mohammed Ayub Khan bahawa negara-nya dalam keadaan perang.

Sesuai dengan itu di-Majlis Keselamatan hari ini, negara2 anggota sa-chara tidak rasmi telah mengadakan perundingan antara sesama anggota. Tetapi pengumuman tidak akan di-keluarkan sama ada majlis akan bersidang atau tidak mengenai masalah Kashmir.

## U THANT

U Thant Setia Usaha Agong Bangsa2 Bersatu telah menyeru kedua2 belah pihak India dan Pakistan supaya melaksanakan gencatan senjata dengan sa-berapa segera, supaya dapat mereka kembali kepada kedudukan masing2 pada waktu sa-

belum berlaku pertemporan pertama.

Seruan U Thant di-sokong oleh banyak pemimpin2 dunia, antara-nya Amerika, Britain, Yugoslavia, Republic Arab Bersatu dan Canada.

Negara2 tersebut telah menyuarakan kebimbangan mereka bahawa sengketa Kashmir mungkin menimbulkan akibat riak yang membahayakan dunia, dan menyeru supaya di-hentikan tindakan tentera.

Oleh semua seruan2 itu, sa-jauh ini nampak-nya India dan Pakistan belum lagi dapat memberikan sa-barang kata2, "terima atau sa-balek-nya". Mungkin-lah kedua2-nya sedang menyediakan syarat2 bagi di-adakan gencatan senjata, kerana menurut Shastri, gencatan senjata bukan ma'ana-nya keamanan. Dia tidak dapat mengadakan-nya lepas satu-satu lagi gencatan senjata, tetapi sentiasa menanti2 pencheruboh dari Pagistan.

## REAKSI LUAR

Sementara itu apa pula reaksi dari luar terhadap masalah Kashmir.

Mithal-nya di-Indonesia baharu2 ini, ra'ayat Indonesia berhimpun di-hadapan bangunan kedutaan India di-Djakarta, memekek2 kerana membantah sikap India terhadap Kashmir. Nampak-nya ini-lah kesan pertama dari luar, dan ada kemungkinan jika sengketa itu belum lagi dapat di-selesaikan banyak lagi akan menyusul untuk menyuarakan sokongan ra'ayat negeri2 itu kepada pihak yang mereka anggap benar dalam pertikaian mengenai Kashmir.

Patutkah keadaan seperti ini di-biarkan, jika dunia tidak menghendaki timbul-nya satu puncha peperangan yang baru di-Asia.

Lebeh lekas masalah Kashmir itu di-selesaikan lebeh berfaedah kepada perdamaian dunia. Kerana jika di-biarkan berlanjutan sudah pasti akan ada kesan-nya kepada negara2 lain di-dunia, kerana Pakistan dan India masing2 mempunyai negara2 sahabat-nya tertentu pula.

## UJIAN

Oleh ini maka satu ujian akan di-hadapi oleh Bangsa2 Bersatu mengenai masalah Kashmir, sa-telah ia-nya agak berjaya dalam tahun 1948 mendapatkan gencatan senjata di-Kashmir. Mungkin apabila kegentingan di-Kashmir bertambah lagi membahayakan dan jika banyak lagi negara2 mengambil kesempatan untuk menyampaikan bantuan mereka kepada salah satu pihak, neschaya permulaan perang di-Kashmir merebak lebeh luas, mungkin membingungkan Bangsa2 Bersatu untuk mengatasi masalah itu gagal, jika tidak di-keraskan dari sekarang, seperti yang terlihat di-Vietnam hari ini.



Lapan buah kapal terbang pejuang jet buatan British, enam buah jenis Red Pelicans dan dua Gnats. Dalam perjuangan di-Kashmir sekarang jenis Gnats yang di-gunakan oleh India, sementara Pakistan menggunakan pesawat pejuang jenis Sabre dan F-104 buatan Amerika.

# PEMBUKAAN RASMI RUMAH PERSATUAN PEMUDA PENANJONG

**PENANJONG.** — Pegawai Daerah Tutong, Awang Johari bin Abdul Razak telah melaksanakan tugas beliau yang terakhir sa-bagai Pegawai Daerah Tutong apabila beliau merasmikan pembukaan Rumah Persatuan Pemuda Kampong Penanjong pada petang hari Ahad 5 September, 1965.

Awang Johari telah bertukar ka-Bandar Brunei pada hari Isnin 6 September, 1965.

Sa-bagai tanda kenangan pembukaan rasmi Rumah Persatuan Pemuda Kampong Penanjong, Awang Johari telah menanamkan sa-buah pohon limau manis di-kawasan rumah tersebut.

Majlis itu juga telah di-adakan untuk mengucapkan Selamat Datang kepada sa-orang ahli Persatuan Pemuda Kampong Penanjong, Awang Ahmad bin Kadi dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei yang telah balek ka-Brunei baru2 ini sa-lepas berlatih di-England serta melawat ka-Amerika Sharikat dan ka-lain2 negara.

Uchapan2 yang berharga mengandungi nasihat2 yang berfaedah dan lain2-nya telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh beberapa orang. Di-antara-nya ia-lah Awang Johari bin Abdul Razak; Yang Dipertua Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar, Pemangku Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara Brunei, Yang Mulia Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim; Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar; Yang Dipertua Persatuan Pemuda Kampong Penanjong (PERDA), Awang Md. Yunus bin Abu Bakar; Awang Ahmad bin Kadi; Yang Mulia Penyurat Haji Abu Bakar, Awang Abdul Hamid

*Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar kelihatan semasa beliau memberikan ucapan sa-bagai Yang Dipertua Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei di-majlis pembukaan rasmi Rumah Persatuan Pemuda Kampong Penanjong tiga hari yang lalu.*

Tamat dan Awang Musa Edin.

Majlis itu di-akhiri dengan bachehan Do'a Selamat oleh Imam Masjid Kampong Penanjong, Awang Abdul Wahab Othman.


Pada sa-belah malam pula ramai penduduk2 Kampong Penanjong dan dari lain2 tempat telah menyaksikan tayangan Wayang Gambar oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.



*Awang Johari bin Abdul Razak kelihatan mengguntingkan peta sa-bagai merasmikan pembukaan Rumah Persatuan Pemuda Kampong Penanjong pada petang hari Ahad yang lalu.*



*Dalam gambar ini kelihatan Awang Johari bin Abdul Razak menanamkan sa-buah pohon limau manis di-kawasan Rumah Persatuan Pemuda Kampong Penanjong sa-lepas beliau merasmikan pembukaan Rumah Persatuan tersebut pada petang hari Ahad 5 September, 1965.*



## Pintu2 Gerbang Runtuh

**BANDAR BRUNEI.**—Dua buah pintu2 gerbang yang telah di-bena sa-bagai menyambut Perkahwinan Diraja dan letak-nya di-Jalan Sultan telah runtuh semasa berlaku angin yang kencang dan hujan yang lebat pada petang hari Rabu yang lalu.

## H.M.S. Kilderton Melawat Brunei

**BANDAR BRUNEI.** — H.M.S. Kilderton, ia-itu sa-buah kapal pemberseih periok api dari Angkatan Laut Diraja British telah melawat ka-Brunei pada minggu yang lalu.

## TAWARAN

### Pembinaan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan

Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran di-pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Pejabat Kerajaan, Bandar Brunei, hingga pukul 3 petang pada hari Ithnin 4 Oktober 1965, bagi:—

#### PEMBINAAN SEKOLAH UGAMA ARAB MENENGAH PEREMPUAN.

Tawaran yang di-terima sa-lepas waktu ini tiada akan di-timbangkan. Jumlah banyak dan butir2 lain boleh di-perolehi dari pejabat James Cubitt, Leonard Manasseh dan Pakatan, Akitek Berkanun, Tingkat Kedua, 148 Jalan Chevalier, Bandar Brunei, di-waktu pejabat. Lukisan2 juga di-pereksa di-Pejjabat itu.

Tawaran2 mesti-lah di-isi di-dalam sampul surat biasa yang belum bertulis dan bermeterai dan tidak akan di-benarkan mengandungi tanda2 yang akan mengenalkan Penawar2 di-atas-nya.

Di-luar sampul surat itu mesti-lah beralamat kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Tingkat Bawah, Pejabat Kerajaan, Bandar Brunei.

Pekerjaan yang di-tawarkan mesti-lah di-nyatakan dengan terang di-atas sampul surat seperti berikut:—

#### PEMBINAAN SEKOLAH UGAMA ARAB MENENGAH PEREMPUAN

Tawaran2 yang di-terima di-dalam sampul surat yang tidak betul alamat-nya akan tidak di-pertimbangkan.

Chengkeram untuk tawaran itu ia-lah sebanyak \$500/- (ringgit lima ratus sahaja).

Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang yang berchetak yang boleh di-perolehi dari Akitek di-masa membayar chengkeram tersebut di-atas.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sa-barang tawaran yang di-sampaikan.

## JAWATAN KOSONG: PEMANDU KERETA

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Pemandu Kereta Tingkatan II di-Pejjabat Daerah, Tutong.

### Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen2 pemandu dan berumur di-antara 20 tahun dan tidak lebeh dari 40 tahun.
- Pemohon mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftaran sa-bagai ra'ayat Sultan.
- Pemohon2 yang tahu membaiki kerosakan2 kereta atau jentera kereta akan di-beri keutamaan.

### Tugas2:

Chalon yang berjaya akan di-kehendaki memandu Land Rover

dan bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

### Gaji:

Dalam Sukatan gaji F.5 - 6 = \$184x4 - 200.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 13 September, 1965.

# Perlawanan Sepak Raga Jaring: Pusingan Pertama

**Selesai Johan "A" — SRJIP  
Johan "B" — AMDB**

**BANDAR BRUNEI.** — Perlawanan Sepak Raga Jaring Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, atas anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah di-jalankan di-kawasan permainan tennis berhadapan Ibu Pejabat Pulis di-Bandar Brunei baru2 ini.

## Majlis Menyampaikan Lenchana2 Tenderfoot

**LUMAPAS** — Yang Mulia Pehin Orang Kaya Kesuma Haji Md. Tahir telah menyampaikan Lenchana2 Tenderfoot kepada Pengakap2, Anak2 Serigala dan Pandu2 Puteri, Sekolah Melayu Lumapas di-Sekolah Melayu Lumapas baru2 ini.

Sa-belum menyampaikan Lenchana2 Tenderfoot itu, Yang Mulia Pehin Orang Kaya Kesuma berkata antara-nya bahawa beliau berasa gembira atas kejayaan dan kemajuan Budak2 Pengakap, Anak2 Serigala dan Pandu2 Puteri Sekolah Melayu Lumapas mendapatkan Lenchana Tenderfoot itu.

Beliau berseru kepada penerima2 lenchana itu supaya mereka bergiat lagi untuk mendapatkan lenchana2 yang lain pula.

Guru Besar Sekolah Melayu Lumapas, Chegu Awang Haji Abdul Hamid telah berseru kepada murid2 Sekolah Melayu Lumapas yang belum lagi menjadi ahli pasokan2 tersebut supaya mereka mengikuti jejak langkah murid2 dari Sekolah Melayu itu yang telah menjadi ahli2 pasokan2 tersebut.

Dengan hal yang sa-demikian, tegas Chegu Awang Haji Abdul Hamid, dapat-lah menambahkan lagi bilangan ahli2 Pasokan2 Pengakap, Anak Serigala dan Pandu Puteri, Sekolah Melayu Lumapas.

Guru Pengakap Sekolah Melayu Lumapas, Chegu Awang Md. Yassin bin Awang Said telah memberi penerangan berkenaan dengan Tujuan Pengakap.

Dalam penerangan-nya, Chegu Md. Yassin berkata Tujuan Pengakap ia-lah melateh diri sa-bagai warga negara yang berguna serta ta'at kepada Allah, Raja, Negara, ibu bapa dan seterusnya kepada masyarakat dan menolong orang ramai pada sa-tiap masa.

Satu temasha Unggun Api dan tayangan Wayang Gambar oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei telah di-adakan pada sa-belah malam. — *Berita kiriman Awang Md. Yassin bin Awang Said.*

Pusingan pertama Perlawanan Sepak Raga Jaring itu telah pun di-sempurnakan dan pusingan kedua di-jalankan mulai pada 27 Ogos.

Seramai 12 pasokan telah mengambil bahagian dalam Perlawanan Kumpulan "A" dan 13 pasokan telah berlawan dalam Kumpulan "B".

Pasokan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda telah mendapat mata yang tinggi sekali dalam Kumpulan "A", di-turuti oleh Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Dalam Perlawanan Kumpulan "B" pula, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah mendapat mata yang tinggi sekali, di-turuti oleh Pasokan Perkhidmatan Bomba dan Pasokan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda.

Keputusan penoh pusingan pertama Perlawanan Sepak Raga Jaring itu, ada-lah seperti berikut: —

### KUMPULAN "A"

1. Pasokan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda mendapat 22 mata; 2. Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin mendapat 18 mata; 3. Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei mendapat 16 mata.

4. Pasokan Askar Melayu Di-

raja Brunei mendapat 15 mata; 5. Pasokan Persatuan Kampong Saba mendapat 15 mata; 6. Pasokan Kesatuan Ujong Bukit Bersatu mendapat 14 mata.

7. Pasokan Iktesad Pemancha Lama mendapat 9 mata; 8. Pasokan Perkhidmatan Bomba mendapat 8 mata; 9. Pasokan Perubatan mendapat 6 mata; 10. Pasokan Sokan Pemuda Kampong Sumbiling mendapat 6 mata; 11. Pasokan Persatuan Angkatan Pemuda Pemuda mendapat 2 mata dan 12. Pasokan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei mendapat 1 mata.

### KUMPULAN "B"

1. Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei mendapat 24 mata; 2. Pasokan Perkhidmatan Bomba mendapat 22 mata; 3. Pasokan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda mendapat 20 mata.

4. Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei mendapat 18 mata; 5. Pasokan Kesatuan Ujong Bukit Bersatu mendapat 14 mata; 6. Pasokan Sokan Pemuda Kampong Sumbiling mendapat 14 mata.

7. Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin mendapat 12 mata; 8. Pasokan Kesatuan Angkatan Tunas Ibunda mendapat 12 mata; 9. Pasokan Persatuan Kampong Saba mendapat 6 mata.

10. Pasokan Persatuan Angkatan Pemuda Pemuda mendapat 6 mata; 11. Pasokan Iktesad Pemancha Lama mendapat 6 mata; 12. Pasokan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei mendapat 2 mata dan 13. Pasokan Perubatan kosong.

## Peraduan Awang Dan Dayang Brunei

**BANDAR BRUNEI.** — Peraduan "Dayang Brunei Tahun 1965" dan "Awang Brunei Tahun 1965" akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada malam 19 September.

Peraduan2 tersebut akan di-adakan sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Pemenang2 pertama dalam peraduan2 tersebut akan di-berikan peluang menaiki kapal terbang ka-Hong Kong dan balek ka-Brunei dengan perchuma.

Pada malam itu juga akan di-adakan Peraduan Ratu Kebaya 1965. Wanita yang menjadi Johan dalam peraduan itu akan di-hadiahkan tiket kapal terbang dengan perchuma dari Brunei ka-Jesselton dan balek ka-Brunei.

Borang2 permohonan masuk bertanding, boleh-lah di-dapati dari Pengerusi Peraduan tersebut, Awangku Idriss, d/a Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei; Yang Berhormat Awang R. D. Ross, d/a Sharikat Borneo Berhad, Bandar Brunei atau pun Awang Palaniandy, d/a Jabatan Elektrik, Bandar Brunei. Borang2 itu hendak-lah di-kembalikan kepada beliau2 tersebut tidak lewat dari 14 September, 1965.

## Bola Sepak Jabatan2 Kerajaan:

# Johan 'A' — Pulis, Naib Johan 'A' — J.K.R. Dan Kastam

**BANDAR BRUNEI.** — Pasokan Pulis "A" telah mengalahkan Pasokan Gabungan Jabatan Kerja Raya dan Kastam dalam Perlawanan Akhir Bola Sepak Bahagian "A" antara Jabatan2 Kerajaan di-Bandar Brunei, Muara dan Tutong dengan 2 gol berbalas 1 gol.

Perlawanan bola sepak itu telah di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Isnin 6 September dan di-saksikan oleh ramai peminat2 perlawanan bola sepak.

Inspektor Thani Abdul Hamid dan Abdul Razak Abdullah telah menjaringkan satu gol sa-soorang bagi pehak Pasokan Pulis, manakala Awang Yahya telah menjaringkan satu gol bagi pehak Pasokan Gabungan Jabatan Kerja Raya dan Kastam.

Pasokan Gabungan Jabatan Kerja Raya dan Kastam telah mula menjaringkan gol dalam perlawanan tersebut, ia-itu dalam masa pertengahan yang pertama.

Sa-telah perlawanan di-sambungkan sa-mula Pasokan Pulis telah menjaringkan gol-nya yang pertama. Dengan itu, kedua2 pasokan telah seri, ia-itu satu gol berbalas satu.

Pemain2 kedua2 pasokan kemudiannya kelihatan bermain dengan lebeh chergas lagi untuk menjaringkan gol yang dapat memberikan kemenangan kepada pasokan masing2.

Sungguh pun begitu, chita2 pasokan2 tersebut telah tidak berhasil dan perlawanan sa-paroh masa yang kedua itu berkesudahan seri.

Untuk menentukan kemenangan, Pengadil perlawanan itu, Awangku Idriss telah melanjutkan masa. Dalam pada itu juga, kedua2 pasokan yang bermain sama gagah telah tidak juga memperolehi gol yang akan memberi-

kan kemenangan kepada pasokan masing2.

Sa-sudah perlawanan di-sambungkan sa-mula dan keadaan chuacha hampir gelap, penyokong2 Pasokan Pulis telah bersorak dengan riuh rendah, kerana Abdul Razak Abdullah telah berjaya menjaringkan gol yang di-tunggu2 oleh Pasokan Pulis itu.

Pada masa Pengadil Awangku Idriss meniuip wisal-nya yang terakhir sekali dalam perlawanan itu, Pasokan Pulis telah berjaya menjadi johan dalam perlawanan itu.

Perlawanan Bola Sepak antara Jabatan2 Kerajaan tempatan Bahagian "B" telah selesai di-langsungkan baru2 ini.

Pasokan Jabatan Pelajaran "B" telah menjadi Johan dalam perlawanan itu dan gelaran Naib Johan di-sandang oleh Pasokan Jabatan2 Kerajaan Tutong.

Dayang Coster dan Awang Wadell telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam perlawanan bola sepak tersebut.

## Perkahwinan Di-Raja: ISTIADAT MENERIMA TANDA DI-RAJA DI-ADAKAN MALAM ESOK

BANDAR BRUNEI. — Istiadat Menerima Tanda Diraja Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman akan di-langsungkan di-Istana Darul Hana pada malam esok.

Achara<sup>2</sup> yang akan di-langsungkan di-Istiadat Menerima Tanda Diraja itu ada-lah saperti berikut

Mulai jam 8 malam: Pembesar<sup>2</sup> Negara dan para jempunan hadir di-Balai Pemajangan Indera Kenchana, Istana Darul Hana, Brunei.

Kemudian Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha tiba dan di-turuti oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah.

Sa-lepas itu Rombongan Menghantar Tanda Diraja yang terdiri daripada pembesar<sup>2</sup> negara yang di-ketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar berangkat ka-Istana Darul Hana, Brunei, membawa Tanda Perkahwinan Diraja (sa-orang kanak<sup>2</sup> perempuan yang berpakaian bergelang pengaluan, geronchong, subang dan bunga serondoh yang di-kipak oleh Pengarah dan di-iringi oleh Dayang<sup>2</sup> yang membawa gangsa<sup>2</sup> bawaa yang berisi sepangadak pakaian, sapesang gelang, sa-pasang subang dan dua jari chinchin dan berdian 16 batang yang di-bawa oleh Dayang<sup>2</sup>).

Sa-baik sahaja Rombongan Tanda Perkahwinan Diraja itu tiba di-Istana Darul Hana dan tanda<sup>2</sup> (kanak<sup>2</sup> perempuan) itu di-sambut oleh Damong dan sa-orang muda<sup>2</sup>, maka meriam pun di-pasang 17 das sa-bagai mengalu<sup>2</sup>kan ketibaan rombongan itu.

Tanda Perkahwinan Diraja kemudian di-sembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Isteri dengan terlebih dahulu di-saksikan oleh Isteri<sup>2</sup> Pembesar negara yang di-ketuai oleh Duli Pengiran Isteri Anak Saleha.

Kemudian Do'a Selamat di-bacakan oleh Sahibul Fadhilah Kadzi Daerah Brunei/Muara.

Sa-telah rombongan selesai menyembahkan Tanda Diraja, maka Pehin Orang Kaya Di-Gadong menyembahkan Rombongan menjunjung anugerah berangkat balek. Sa-lepas di-perkenankan, maka rombongan pun berangkat balek.

Timbalan Menteri Besar Brunei merangkap Menteri Pertanian Brunei Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Md. Daud telah merasmikan pembukaan Pertunjukan Pertanian Sa-Negeri Brunei di-bangunan sementara Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Ali semasa beliau beruchap di-majlis pembukaan rasmi Pertunjukan Pertanian itu.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah (bilangan kedua dari kanan) kelihatan dalam gambar ini semasa Yang Teramat Mulia itu berchemar Duli ka-temasha Pertunjukan Pertanian Sa-Negeri Brunei pada pagi hari Juma'at 3 September 1965.

## Pembukaan Rasmi Pertunjukan Pertanian

(Dari muka 1)

"Pehak Kementerian Pertanian Brunei akan mengurak dan menyusun langkah sa-tapak demi sa-tapak untuk menuju ka-arrah yang akan membawa kema'amoran dan kemewahan ra'ayat di-negeri ini", kata-nya.

Yang Berhormat Awang Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Omar, selaku Yang di-Pertua pertunjukan pertanian itu telah memberi penerangan dengan panjang lebar mengenai asal usul pertanian dan hubongannya dengan manusia serta bagi kemajuan sa-buah negara.

Di-samping itu, Awang Haji Jamil juga menyatakan bahawa dengan ada-nya pertunjukan pertanian itu, maka ra'ayat di-negeri ini akan membandingkan sa-jauh mana kemajuan pertanian yang telah di-chapai.

Kuat dan kokoh-nya sa-sabua negara itu, tegas beliau, bolehlah di-ukor dari perkembangan dan kemajuan lapangan pertanian-nya.

Sebab itu, kata-nya, usaha<sup>2</sup> yang tertentu di-lapangan ini telah pun di-jalankan oleh kerajaan.

Awang Haji Jamil telah juga berseru kepada para<sup>2</sup> petani supaya meneruskan usaha-nya untuk menghiasi bumi negara kita ini dengan tumbuh<sup>2</sup>an yang menghijau subur sa-hingga merupakan satu lukisan negara yang indah permai.

Turut hadir di-majlis pembukaan pertunjukan itu ialah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Bendahara, Tuan Yang Terutama, Pesurohaya Tinggi British, F. D. Webber, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Brunei, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, Yang Berhormat Penolong<sup>2</sup> Menteri dan ketua<sup>2</sup> pejabat.



Sa-orang perempuan kelihatan menganyam bakul di-temasha Pertunjukan Pertanian Sa-Negeri Brunei baru<sup>2</sup> ini.

Tiga orang Guru<sup>2</sup> tempatan telah berlepas ka-England dengan kapal terbang baru<sup>2</sup> ini untuk menghadiri Kursus Pentadbiran Sekolah<sup>2</sup> dan Kursus Guru Besar di-Universiti Birmingham selama kira<sup>2</sup> setahun. Dari kiri: Chegu Abdul Razak Bungsu, Chegu Hamdani Abdul Rahman dan Chegu Md. Yusof Daud. Berita berkenaan keberangkatan Guru<sup>2</sup> tersebut ada-lah di-siarkan di-muka 3 Pelita Brunei keluaran hari ini.

